


JAWAPAN
BAHAGIAN A

- | | | | | | | | | | |
|----|---|---|---|---|-----|---|---|---|---|
| 1. | A | B | C | D | 11. | A | B | C | D |
| 2. | A | B | C | D | 12. | A | B | C | D |
| 3. | A | B | C | D | 13. | A | B | C | D |
| 4. | A | B | C | D | 14. | A | B | C | D |
| 5. | A | B | C | D | 15. | A | B | C | D |
| 6. | A | B | C | D | 16. | A | B | C | D |
| 7. | A | B | C | D | 17. | A | B | C | D |
| 8. | A | B | C | D | 18. | A | B | C | D |
| 9. | A | B | C | D | 19. | A | B | C | D |
| 0. | A | B | C | D | 20. | A | B | C | D |

5226/1
Tasawwur
Islam
Kertas 1
OGOS
2010
1 ¼ jam

Nama :
Tingkatan :



SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM
JABATAN PELAJARAN KELANTAN
DENGAN KERJASAMA
PERTUBUHAN KEGIATAN DAKWAH ISLAMIAH SEKOLAH-SEKOLAH
MALAYSIA (PEKDIS)
CAWANGAN KELANTAN
PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2010
SULIT PELAJARAN MALAYSIA

TASAWWUR ISLAM

KERTAS 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERTAHU

1. Kertas ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.
2. Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan Bahagian B.
3. Jawapan kedua-dua bahagian ini hendaklah diserahkan bersama-sama.
4. Bulatkan jawapan anda untuk Bahagian A di dalam kertas jawapan yang disediakan dalam halaman 5.
5. Tuliskan jawapan anda untuk Bahagian B di ruangan yang disediakan dalam kertas soalan ini.

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

BAHAGIAN A
(20 markah)

1. Perkara luar biasa yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad s.a.w. untuk membuktikan kebenaran risalahnya serta melemahkan musuhnya

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A. Maunah.
B. Maksud.
C. Mukjizat.
D. Karamah.
2. Berikut adalah kenyataan yang betul mengenai konsep tauhid Uluhiyyah kecuali
- A. mengakui hanya Allah SWT yang layak disembah dan ditaati.
B. mengakui kekuasaan Allah SWT meliputi langit dan bumi.
C. kalimah syahadah adalah paksi utama tauhid Uluhiyyah.
D. meniadakan konsep Uluhiyyah akan menjadi sesat.
3. Wahyu tidak diturunkan selepas kewafatan nabi Muhammad s.a.w. kerana
- A. kitab al-Quran telah dibukukan.
B. tiada nabi selepas Rasulullah s.a.w.
C. sahabat Rasulullah s.a.w. telah menghafainya.
D. hadis telah menerangkan perkara mujmal dalam al-Quran.
4.
 - Bijaksana dan berhemah
 - Dihormati oleh masyarakat
 - Memiliki kepakaran dalam bidang tertentu

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A. Syura
B. Fatwa
C. Khalifah
D. Ulama
5. Berikut adalah cara pembubaran perkahwinan menurut Islam kecuali
- A. Rujuk
B. Talak
C. Khulu'
D. Fasakh

6. Maksud fahaman antihadis ialah
- A. menjadikan hadis sebagai rujukan utama.
B. Memilih hadis yang sesuai dengan jiwanya.
C. Menjadikan hadis sebagai rujukan kedua.
D. Menolak hadis dalam semua urusan hidup.

7.
 - Menghapuskan dosa-dosa kecil.
 - Mendorong manusia melakukan kebaikan.
 - Memberi peluang untuk menambahkan pahala.

Pernyataan di atas adalah nikmat penetapan hukum

- A. Wajib
B. Harus
C. Sunat
D. Makruh
8. Antara berikut manakah istilah yang tidak digunakan dalam al-Quran mengenai pemimpin ?
- A. Imam.
B. Uli Amri.
C. Presiden.
D. Amir al-Mukmin.
9. Antara hak-hak rakyat dalam negara Islam ialah
- i. mendapat pendidikan.
ii. memilih pemerintah.
iii. memberi pendapat.
iv. mendapat kemewahan.
- A. i, ii dan iii
B. ii, iii dan iv
C. i, ii dan iv
D. i, iii dan iv
10. Berikut adalah jenis muamalah Islam kecuali
- A. Mudharabah
B. Musyarakah
C. Murabahah
D. Monopoli

11. Fungsi akal kepada manusia ialah

- berfikir untuk menyelesaikan masalah .
- berfikir untuk membeza antara hak dengan batil .
- berfikir tentang zat dan sifat Allah SWT .
- berfikir tentang kekuasaan Allah SWT .

- i, ii dan iii
- ii, iii dan iv
- i, ii dan iv
- i, iii dan iv

12. Antara berikut manakah ciri ajaran sesat ?

- Melanggar hukum yang difatwakan oleh Majlis agama Islam .
- Mengakui bahawa al-Quran hanya sesuai untuk orang Islam sahaja .
- Mempelajari kitab agama lain untuk menambah ilmu pengetahuan .
- Megunjungi rumah kawan berlainan agama pada hari kebesaran kaumnya .

13. Antara kesalahan berikut manakah yang termasuk dalam kesalahan jenayah hudud ?

- Mencuri
- Menipu
- Membunuh
- Memfitnah

14. Berikut adalah sumber penyelesaian masalah mengikut keutamaan

- al-Quran - al-Ijmak - al-Hadis dan al-Qias
- al-Quran - al-Hadis - al-Qias dan al-Ijmak
- al-Quran - al-Hadis - al-Ijmak dan al-Qias
- al-Quran - al-Qias - al-Ijmak dan al-Hadis

15. Antara berikut manakah matlamat perundangan Islam ?

- Memelihara nyawa
- Memelihara agama
- Memelihara al-Quran
- Memelihara keturunan

- i, ii dan iii
- i, ii dan iv
- i, iii dan iv
- ii, iii dan iv

16.

- Mewujudkan keamanan.
- Menggalakkan manusia berkerja.
- Mengeratkan hubungan silaturrahim.

Pernyataan di atas merujuk kepada

- ciri muamalah Islam
- etika muamalah Islam
- konsep muamalah Islam
- matlamat muamalah Islam

17. Berikut adalah hikmat Islam membatasi hak milik dalam pemilikan harta kecuali

- Mengelak dari sikap sombong
- Mengelak dari sifat malas
- Menjauhi pembaziran
- Menjauhi sifat boros

18. Manakah antara aktiviti berikut sumber harta halal ?

- Menjual anak lembu yang masih dalam kandungan ibunya.
- Menjual buahan kepada orang yang derhaka kepada Allah.
- Menjalankan urusan niaga di hari perayaan .
- Berniaga sehingga terlupa menunaikan solat fardu.

- i, ii dan iii
- i, ii dan iv.
- i, iii dan iv
- ii, iii dan iv

19. Fahaman yang memisahkan agama dengan urusan hidup seharian ialah

- Materialisme .
- Sekularisme
- Kapitalisme
- Sosialisme

20. Antara prinsip syumuliyah ialah

- praktikal bukan utopia.
- Islam ciptaan Allah SWT.
- manusia dilantik sebagai khalifah.
- kesempurnaan hanya milik Allah SWT .

- i dan ii
- i dan iv
- ii dan iii
- iii dan iv

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan di dalam ruangan yang disediakan

- 21. Perkara yang luar biasa berlaku kepada orang derhaka kepada Allah.
- 22. Perkara luar biasa berlaku kepada orang Islam tanpa berusaha.
- 23. Penguasaan barangan atau perkhidmatan tertentu dalam pasaran.
- 24. Penilaian yang membolehkan seseorang mengambil faedah dari hak milik orang lain dengan bayaran tertentu.

Bil	Keterangan / maksud	Hukum	Hudud	Takzir	Qisas	Diat
29.	Hukuman tidak ditetapkan oleh syarak dan diserahkan kepada budi bicara hakim untuk menentukannya	Hukum				
30.	Hukuman yang telah ditetapkan oleh syarak kerana kesihatan melibatkan kecederaan tubuh badan atau nyawa					
31.	Harta yang diberi kepada waris orang yang dibunuh kerana tidak dapat dilaksanakan hukum Qisas					
32.	Hukuman yang telah ditetapkan oleh syarak serta wajib dilaksanakan untuk memnuakan hak Allah SWT					

Jadual dibawah merujuk kepada maksud jenis hukum jenayah Islam


- 25. Konsep _____ merupakan perkara yang telah ditentukan dalam Islam yang tidak boleh diubah
- 26. Manusia dilantik sebagai _____ di alam ini untuk menguruskan alam mengikut peraturan Allah SWT
- 27. _____ ialah semua perkara yang disandar kepada Rasulullah.
- 28. _____ ialah satu usaha bersungguh-sungguh untuk menghasilkan penetapan sesuatu hukum syarak berdasarkan al-Quran dan al-Hadis

Lengkapkan pernyataan berikut

Tasawwuf Islam - Kertas 1 - Perc. SPM - Ogos 2010

Tandakan (Y) bagi pernyataan yang BETUL
Tandakan (X) bagi pernyataan yang SALAH

- 33. Islam menggalakkan umatnya bertawakkal kepada Allah SWT Semata-mata.
- 34. Orang murad diberi peluang bertaubat selama tiga hari.
- 35. Penzina yang telah berkahwin diatuhkan hukuman sebat 100 kali.
- 36. Islam membenarkan memakai pakaian berfesyen yang menutup aurat.



Lengkapkan carta dibawah

KERTAS SOALAN TAMAT

- 37. P ialah _____
- 38. Q ialah _____
- 39. R ialah _____
- 40. S ialah _____